



DR. MAHATHIR Mohamad bersama kepimpinan Pejuang pada Majlis Pemukiman Pejuang Melaka di Ayer Keroh, semalam. - MINGGUAN/RASUL AZLI SAMAD

Pejuang mahu pikat NGO, profesional

m/d: 6

UM - 5/6/2022

Oleh **AMRAN MULUP**
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) tidak menolak kemungkinan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berbanding parti politik bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerjasama dengan NGO adalah lebih baik kerana kebanyakan matlamat parti yang ada sekarang bukanlah untuk bangsa atau negara.

Katanya, perjuangan parti orang Melayu juga dilihat lebih ke arah untuk mendapat tempat menjadi Perdana Menteri dan menteri Kabinet.

Jelas bekas Perdana Menteri itu, Pejuang telah mengadakan pertemuan dengan pelbagai NGO daripada pesara tentera, guru dan kakitangan kerajaan serta golongan profesional yang

berminat untuk menyelamatkan bangsa Melayu.

“Memang benar Pejuang akan bekerjasama dengan NGO di negara ini kerana mereka juga ada hak mengundi. Kalau UMNO bergantung kepada ahli parti, mereka tidak boleh menang. UMNO menang kerana ramai orang sokong, kita pun macam itu juga.

“Setakat ini, terdapat 100 NGO Melayu yang boleh menjalin kerjasama dengan Pejuang kerana mereka juga ada penyokong dan mempunyai perjuangan sama dengan kita.

“Sehubungan itu, Pejuang tidak akan bergerak secara solo. Cuma kita tidak boleh bekerjasama dengan ‘penyangak’ dan ‘pencuri’ walaupun mereka kuat, mereka kata mereka boleh menang secara solo,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pemukiman Pejuang Melaka di Ayer Keroh di

sini, semalam.

Hadir sama Presiden Pejuang, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Timbalannya, Datuk Marzuki Yahya.

Ditanya mengenai kerjasama dengan parti lain, Dr. Mahathir menegaskan, jika mereka berpegang kepada perjuangan Pejuang, adalah tidak mustahil untuk menjalinkan kerjasama, namun, bukan untuk mewujudkan satu gabungan.

Tambah Ahli Parlimen Langkawi itu, kerjasama itu bakal berlaku hanya apabila tiba pilihan raya, bukannya buat masa ini.

“Setakat ini, kita tidak didatangi oleh mana-mana pemimpin parti lain. Pejuang hendak bertanding dalam PRU15 bukan hendak jadi Perdana Menteri. Kalau dah menang pilihan raya baru boleh capak hendak jadi Perdana Menteri, kalau dah kalah nak capak apa,” tegasnya.